

AS, Russia atau PBB reda konflik India-Pakistan

Oleh Misiah Taib

KUALA LUMPUR, Isnin - Malaysia mencadangkan supaya Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) atau kuasa besar seperti Amerika Syarikat dan Russia, menjadi pihak ketiga bagi meredakan ketegangan yang semakin memuncak di antara India dengan Pakistan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata patut ada pihak ketiga yang membuat keputusan bagi menyelesaikan pertikaian antara dua negara berkenaan, sekali gus mengelakkan berlakunya peperangan.

Katanya, jika New Delhi dan Islamabad menemui jalan buntu dalam usaha menyelesaikan masalah, kedua-dua pihak perlu membawa masuk orang ketiga untuk membantu mencari penyelesaian.

"Amerika Syarikat atau Russia, malah PBB terutamanya, boleh menjadi pihak ketiga," katanya ketika menjawab soalan pemeberita pada sidang media selepas merasmikan Persidangan Serantau Rangkaian Kesatuan Sekerja Antarabangsa (UNI) - Pejabat Rantau Asia Pasifik (APRO) Yang Pertama, di Hotel Istana di sini, hari ini.

Beliau mengulas keadaan yang dilaporkan semakin meruncing serta dibimbangi akan membawa kepada peperangan menggunakan senjata nuklear oleh kedua-dua negara berjiran itu, yang telah tiga kali berperang sejak Britain membahagikan benua kecil itu kepada penganut Hindu di India dan Islam di Pakistan pada 1947.

Dr Mahathir berkata, Malaysia berpendapat pertikaian India dan Pakistan berhubung isu

Kashmir itu perlu diselesaikan di meja rundingan dan bukan menggunakan kekerasan, apa lagi peperangan.

"Kita (Malaysia) tidak bersetuju dengan perang...kita tidak setuju dengan cara konfrontasi. Kita setuju cara rundingan.

"Jadi kalau nak tanya pendapat Malaysia, saya mintalah supaya mereka berunding sekiranya mereka tidak boleh menyelesaikan sendiri (pertikaian yang berlaku)," katanya.

Perdana Menteri juga menasihatkan rakyat Malaysia di India dan Pakistan supaya pulang ke tanah air untuk mengelak daripada menghadapi sebarang kesusahan jika perang berlaku.

"Jika ternampak peperangan akan berlaku, balikkah (ke Malaysia)," katanya kepada warga Malaysia yang berada di dua negara berkenaan.

Semalam, Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, menasihati semua anggota keluarga diplomat dan kakitangan biasa di India dan Pakistan supaya pulang ke Malaysia secepat mungkin berikutan konflik yang semakin memuncak di benua kecil itu.

Keputusan itu kata beliau, dibuat sebagai langkah segera dan selaras tindakan yang sudah diambil oleh negara lain.

Amerika Syarikat, Britain dan beberapa negara Barat menghantar pulang diplomat dan keluarga mereka dari India dan Pakistan dan menggesa beribu-ribu lagi warga negara mereka supaya meninggalkan negara berkenaan.

Suruhanjaya Tinggi Malaysia di New Delhi dan Islamabad juga sudah diarahkan menggerak pelan kontijensi masing-masing bagi sebarang pemindahan rakyat Malaysia.